Berdasarkan buku teks KSSMPK BM M/S 135. Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

mengecilkan | tomografi | menunggu | radiologi | ditingkatkan | CT Hibrid | diagnosis | kanser



Mesin Angio – CT Hibrid

Mesin Angio – [ ] ialah sebuah alat yang menggunakan teknologi terbaharu, iaitu angiografi dan imbasan [ ] berkomputer (CT Scan). Hospital Selayang merupakan hospital pertama di Malaysia yang menyediakan kemudahan peralatan perubatan bagi meningkatkan keupayaan rawatan pelbagai penyakit melalui kaedah intervensi [ ] Mesin ini mula digunakan di Hospital Selayang sejak tahun 2016 bagi menggantikan perkhidmatan angiografi.

Melalui alat ini, ketepatan [ ] dan rawatan bagi penyakit tertentu seperti [ ] dan tumor dapat ditingkatkan. Sebagai contoh, mesin ini dapat mengesan bahagian yang diserang kanser dengan lebih tepat dan memasukkan ubat pada kawasan tersebut sahaja. Selain berupaya menutup saluran darah bagi [ ] tumor, pesakit juga boleh diimbas dengan serta-merta selepas prosedur rawatan dilakukan untuk menilai keberkesanan rawatan yang diterima.

Menurut Dr. Mohd Rizal bin Roslan, Ketua Jabatan Radiologi, Hospital Selayang, jumlah pesakit yang perlu melalui pemeriksaan CT Scan dan angiografi juga dapat [ ] daripada lima orang hingga sepuluh orang sehari. Malah, pesakit juga tidak perlu [ ] terlalu lama bagi mendapatkan rawatan.

Dr. Mohd Rizal bin Roslan
Ketua Jabatan Radiologi,
Hospital Selayang.

LIVEWORKSHEETS